

Jenis Akhbar : Kosmo  
 Tarikh : 01/03/2022  
 Edisi / Muka Surat : Nasional / 16  
 Tajuk : Nafas-ANGKASA bantu isu harga naik



• Ayam	<b>RM8.90</b>	• Telur Gred A	<b>RM12.90</b>	• Gula Pasir	<b>RM2.85</b>	• Cili Merah	<b>RM13.99</b>
• Daging Lembu Tempatan	<b>RM45</b>	• Ikan Kembung	<b>RM15.90</b>	• Bawang Besar Holland	<b>RM2.69</b>	• Kubis Bulat Tempatan	<b>RM4.99</b>
• Daging Lembu Import	<b>RM28</b>	• Minyak Masak	<b>RM6.55</b>	• Bawang Putih	<b>RM5.50</b>	• Tepung Gandum	<b>RM2.25</b>

Senarai Harga Barang Keperluan

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

Koperasi jalin kerjasama dalam aktiviti pemborongan dan runcit

# Nafas-Angkasa bantu isu harga naik

Oleh KHAIRULMIZAN YAHYA

**KUANTAN** – Lapan juta ahli Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) akan berganding bahu membantu kerajaan menangani isu kenaikan harga barangan keperluan.

Presiden Angkasa, Datuk Seri Abdul Fattah Abdullah berkata, pihaknya kini dalam perbincangan bersama Nafas untuk menjalinkan kerjasama dalam pelbagai aspek bagi tujuan berkenaan.

"Usaha ini dibuat selepas Perdana Menteri menyarankan supaya gerakan koperasi dapat memainkan peranan dan terlibat dalam bidang pengeluaran termasuk pemborongan dan runcitan.

"Ia antara usaha untuk membantu kerajaan menangani kesan akibat kenaikan harga barangan keperluan," katanya dalam sidang akhbar di Pejabat Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PASFA) di sini semalam.

Turut hadir, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Zamri Yaakob.

Menurut Abdul Fattah, Nafas



ABDUL FATTAH (kanan) dan Zamri ketika sidang akhbar di PASFA, Kuantan semalam.

memiliki 279 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di bawah 14 Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dengan ahli hampir seju-

ta, manakala ahli koperasi pula hampir tujuh juta.

Katanya, antara perkara yang dibincangkan adalah untuk

mengatur pengeluaran barangan keperluan seperti ayam, telur dan sayuran oleh ahli peladang menerusi koperasi.

Justeru katanya, kerjasama ini dilihat sedikit sebanyak membantu kerajaan dalam menangani isu kenaikan harga barang dengan memecahkan monopoli orang tengah atau syarikat besar.

"Kita juga sudah mengenal pasti kira-kira 3,000 outlet yang dimiliki oleh koperasi yang akan kita gunakan sepenuhnya untuk menjual barangan keperluan yang dibekalkan peladang.

"Dengan menguasai rantalan bekalan, kita percaya isu kenaikan harga barang ini dapat dikurangkan," katanya.

Sementara Zamri berkata, pihaknya berharap kerajaan dapat membantu memberikan kuota mengimport barangan keperluan kepada Nafas dan Angkasa supaya tidak berlaku ketirisan.

"Kami memiliki kemampuan dan jaringan masing-masing dalam menguruskan import dan dengan cara ini kita dapat memecah monopoli selain memastikan harga barang dapat dikawal.

"Selain itu, untuk jangka panjang, kita melihat kerjasama dengan pelabur asing serta pelaburan di negara jiran dalam mengeluarkan barangan keperluan," ujarinya.